

AKZ 6365

**PENGURUSAN INSTITUSI DAKWAH DI NEGERI  
SEMBILAN: KAJIAN DI PUSAT DAKWAH  
ISLAMIAH, PAROI**

**MOHAMAD NAZLI B. OMAR**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA USULUDDIN BAHAGIAN II  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**


**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN  
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

2003



## PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

A handwritten signature in black ink, consisting of stylized, overlapping letters and a long horizontal stroke at the bottom.

MOHAMAD NAZLI B. OMAR  
IGB 99002

## PENGHARGAAN

### Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani

Segala pujian bagi Allah, Tuhan Yang Maha Esa yang telah menciptakan sekalian alam semesta. Selawat dan salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad saw. serta keluarga baginda, sahabat-sahabatnya, para tabien, para tabi' tabien dan para ulama' yang muktabar.

Terlebih dahulu pengkaji ingin memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya disertasi ini dapat disiapkan.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih pengkaji tujuan khas buat Al-Fadhil Ustaz Hj. Roslan b. Mohamed kerana telah memberikan bimbingan, dorongan, motivasi serta kritikan yang membina kepada pengkaji dalam menghasilkan sebuah disertasi yang berkualiti. Didoakan semoga keikhlasan beliau memberi tunjuk ajar dan panduan berguna akan diberkati Allah swt. buat selama-lamanya Tanpa bimbingan beliau, mungkin disertasi ini tidak dapat dihasilkan dengan sempurna dan berkualiti. Tidak lupa juga buat Profesor Dr. Ab. Aziz Mohd. Zin kerana telah mencurahkan ilmu dan daya intelektual yang tinggi buat pengkaji dalam memberikan pandangan beliau bagi menghasilkan karya ilmiah yang bermutu tinggi.

Di samping itu, pengkaji juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan Pusat Dakwah Islamiah, JHEAINS, Paroi, Negeri Sembilan khususnya kepada Tn. Hj. Paimuzi b. Yahya selaku Ketua Penolong Pengarah (Dakwah) kerana telah memberi keizinan kepada pengkaji untuk membuat kajian dan penyelidikan di sini. Tidak lupa juga para responden yang terdiri dari Ust. Nor Azamir b. Alias, Ust. Abdul Manas b. Md. Isa dan Ust. Zaher Ruddin b. Hj Mokhtar kerana telah banyak membantu pengkaji dalam memberikan maklumat berhubung kajian yang dijalankan serta individu-individu lain yang menerajui institusi dakwah di Negeri Sembilan.

Penghargaan yang teristimewa dan abadi ditujukan khas buat isteri tercinta Pn. Faridah bt. Abd. Majid kerana telah banyak memberi dorongan, motivasi, teguran dan cabaran buat pengkaji. Terima kasih di atas segala pengorbanan dari segi material dan spiritual yang telah dicurahkan buat pengkaji ketika menghadapi pahit maung dalam menyiapkan tugas yang berat ini. Kejayaanku ini adalah milik kita bersama.

Tidak ketinggalan juga buat puteri puteraku tersayang, Fatin dan Faez. Jadikan kejayaan abahmu ini sebagai inspirasi buat kalian berdua untuk mendapat kejayaan yang lebih gemilang di masa hadapan.

Seterusnya penghargaan buat kedua ibu bapa tersayang iaitu En. Omar b. Mohamad dan Pn. Halijah bt. Ibrahim kerana telah mendidik dan membimbing pengkaji menjadi insan yang berguna. Kejayaanku ini tidak akan lahir tanpa

ketegasan dan disiplin yang kuat daripada kalian berdua tatkala mendidiku dahulu. Buat adik beradikku jadikan kejayaan abang longmu ini sebagai motivasi untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi.

Buat sahabat karib, Ab. Rahim Ibrahim dan Noor Jeffri Abd. Wahab terima kasih di atas buah fikiran dan komen kalian terhadap pengkaji di dalam menyiapkan tugas. Tidak lupa juga buat Mohd. Asri, Abd. Halid, Ahmad Ridzwan dan Jamaluddin, kenangan kita bermusafir saban minggu pada sesi 99/00 untuk menuntut ilmu yang berharga tetap segar dalam lipatan sejarah dan ia tak mungkin berulang kembali. Tidak ketinggalan juga buat rakan-rakan setugas dan anak didik di Fakulti Pengajian Islam, Kolej Teknologi Islam Melaka di atas sokongan dan dorongan yang diberikan.

Akhir kata, pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini sama ada secara langsung atau tidak. Diharapkan juga kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat,

Mohamad Nazli b. Omar  
1146, Jalan TTJ 2/16, Taman Tuanku Jaafar,  
Senawang, 71450, Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

## ABSTRACT

This research is done with several objectives. The purpose is to evaluate the aspects of management at Pusat Dakwah Islamiah Paroi, which include a few major aspects in management discipline. Among them are the practice of management, human resource management and program management. The main purpose of this research refers to the management problems in this center. In order to get the data related to the problems the researcher used the research methodology among the staff so as to identify the problem in the center's management. The advantage from this research is to give guidance to Pusat Dakwah Islamiah Paroi about the environment which exists there. Besides that, it is also as a guide to dakwah institutions about the importance of management. The results of this research will hopefully give an exposure to the center's management and find the solutions to the problems encountered. Starting from this point it is hoped that this centre will be known as a competitive institution with its ability and strength in various management disciplines particularly the programme of dakwah

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
TRANSLITERASI	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI JADUAL	xvii
Pengenalan	xix

### **BAB SATU : KONSEP PENGURUSAN INSTITUSI DAKWAH**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Konsep Pengurusan Moden	1
1.2.1	Pengurus dan Pengurusan	2
1.2.2	Model Pengurusan	6
1.2.3	Sifat dan Kemahiran Pengurusan	14
1.3	Fungsi Pengurusan	19
1.3.1	Merancang	20
1.3.2	Mengorganisasi	23
1.3.3	Memimpin	27

1.3.4	Mengawal	31
1.4	Pengurusan Menurut Perspektif Islam	34
1.4.1	Islam Dan Pengurusan	35
1.4.2	Konse <sup>4</sup> p Pengurusan Islam	36
1.4.3	Definisi Pengurusan Islam	38
1.5	Amalan Pengurusan Islam	40
1.5.1	Perancangan Pengurusan	41
1.5.2	Penyusunan Pengurusan	46
1.5.3	Kepimpinan Pengurusan	49
1.5.4	Tanggungjawab Pengurusan	53
1.6	Pengurusan Institusi Dakwah	58
1.6.1	Matlamat Pengurusan Institusi Dakwah	59
1.6.2	Amalan Pengurusan Institusi Dakwah	66
1.7	Masalah Dan Cabaran Pengurusan Institusi Dakwah	77
1.8	Kesimpulan	83

## **BAB DUA: INSTITUSI DAKWAH DI NEGERI SEMBILAN**

2.1	Pendahuluan	85
2.2	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	86
2.2.1	Objektif Penubuhan	86
2.2.2	Struktur Organisasi	88
2.2.3	Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	90
2.3	Jabatan Mufti (Institusi Fatwa)	91
2.3.1	Misi dan Visi Penubuhan	94
2.3.2	Objektif Penubuhan	94

2.3.3	Fungsi Jabatan	95
2.3.4	Struktur Organisasi	96
2.3.5	Aktiviti Yang Dijalankan	96
2.4	Institusi Masjid	100
2.5	Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	104
2.5.1	Sejarah Penubuhan	105
2.5.2	Struktur Organisasi	106
2.5.3	Aktiviti dan Program Yang Dijalankan	106
2.5.4	Objektif dan Falsafah Penubuhan	107
2.6	Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Sembilan	108
2.6.1	Angkatan Belia Islam Negeri Sembilan	110
2.6.2	Dasar dan Halatuju ABIM Negeri Sembilan	111
2.6.3	Aktiviti & Program Dakwah Yang Dijalankan	112
2.7	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Negeri Sembilan	117
2.7.1	Matlamat Penubuhan	117
2.7.2	Struktur Organisasi	119
2.7.3	Program dan Aktiviti	120
2.8	Jemaah Islah Malaysia (JIM) Negeri Sembilan	124
2.8.1	Struktur Organisasi	126
2.8.2	Misi dan Visi JIM	126
2.8.3	Program dan Aktiviti	128
2.9	Pusat Dakwah Islamiah Paroi	130
2.9.1	Sejarah Penubuhan	131
2.9.2	Piagam Pelanggan	133



2.10	Kesimpulan	134
------	------------	-----

### **BAB TIGA: PENGURUSAN PUSAT DAKWAH ISLAMIAH PAROI.**

3.1	Pendahuluan	135
3.2	Struktur Organisasi	135
3.2.1	Unit Ukhuwah	137
3.2.2	Unit Dakwah / Kefahaman Islam	139
3.2.3	Unit Kariah / Pengurusan Masjid	141
3.2.4	Unit Pentadbiran Am	143
3.3	Pengurusan dan Penyelarasan Program dan Aktiviti	145
3.3.1	Unit Dakwah/Kefahaman Islam	146
3.3.2	Unit Ukhuwah	154
3.3.3	Unit Kariah / Pengurusan Masjid	165
3.4	Amalan Pengurusan Pusat Dakwah Islamiah Paroi	171
3.4.1	Objektif dan Strategi	171
3.4.2	Perancangan	172
3.4.3	Komunikasi	173
3.4.4	Kepimpinan	174
3.4.5	Kawalan	175
3.4.6	Dorongan	176
3.5	Pengurusan Sumber Manusia	178
3.5.1	Pengambilan	179
3.5.2	Latihan	181
3.5.3	Penilaian Prestasi	182
3.5.4	Faedah dan Ganjaran	184
3.5.5	Penamatan Perkhidmatan	186

3.6	Penutup	187
-----	---------	-----

## **BAB EMPAT : MASALAH-MASALAH PENGURUSAN PUSAT DAKWAH ISLAMIAH PAROI**

4.1	Pendahuluan	189
4.2	Demografi Responden	190
4.2.1	Gender	190
4.2.2	Umur	191
4.2.3	Taraf Pendidikan	191
4.2.4	Gred Jawatan	192
4.2.5	Bahagian/Unit	192
4.3	Masalah Amalan Pengurusan dan Penganalisan Data	193
4.3.1	Masalah Strategi Pengurusan	193
4.3.2	Masalah Perancangan	195
4.3.3	Masalah Kepimpinan	196
4.3.4	Masalah Komunikasi	198
4.3.5	Masalah Kawalan	199
4.3.6	Masalah Dorongan	201
4.4	Masalah Pengurusan Sumber Manusia	202
4.4.1	Masalah Pengambilan	203
4.4.2	Masalah Latihan	204
4.4.3	Masalah Penilaian Prestasi	206
4.4.4	Masalah Faedah dan Ganjaran	208
4.4.5	Masalah Penamatan Perkhidmatan	209
4.5	Masalah Pengurusan dan Penyelarasan Program Dakwah	211
4.5.1	Masalah Perancangan Program	212

4.5.2	Masalah Pengurusan Masa	213
4.5.3	Masalah Tentatif Program	215
4.5.4	Masalah Kewangan	216
4.5.5	Masalah Urusetia / Penyelarasan	218
4.6	Analisa Kajian Terhadap Program Yang Dijalankan	219
4.7	Demografi Responden	221
4.7.1	Gender	221
4.7.2	Status	221
4.7.3	Kelulusan	222
4.7.4	Dorongan Mengikuti Kursus	222
4.7.5	Kefahaman Kursus	223
4.7.6	Kepuasan Peserta Terhadap Pengurusan Program	223
4.8	Tahap Kepuasan Terhadap Penceramah	224
4.8.1	Isi Penceramah	225
4.8.2	Persediaan Penceramah	226
4.8.3	Persembahan Penceramah	226
4.9	Kesimpulan	227

## **BAB LIMA : PENUTUP**

5.1	Pendahuluan	229
5.2	Rumusan	230
5.3	Cadangan	234
5.4	Kesimpulan	240

<b>BIBLIOGRAFI</b>	241
--------------------	-----

## **LAMPIRAN**

## TRANSLITERASI

Untuk daftar isi huruf-huruf 'Arab dan padanan-padanan rumi yang digunakan adalah seperti berikut :

### KONSONAN

Huruf 'Arab	Huruf Rumi
ا	-
ب	<b>b</b>
ت	<b>t</b>
ث	<b>th</b>
ج	<b>j</b>
ح	<b>h</b>
خ	<b>kh</b>
د	<b>d</b>
ذ	<b>dh</b>
ر	<b>r</b>
ز	<b>z</b>
س	<b>s</b>
ش	<b>sy</b>
ص	<b>s</b>

ض		d
ط		t
ظ	ذ	z
ع		'a
غ		gh
ف		f
ق		q
ك		k
ل		l
م		m
ن		n
و		w
-----		h
ء		'
ي		y
ة		t _

## VOKAL

Dalam sistem vokal 'Arab terdapat vokal pendek, vokal panjang dan diftong.

1. Pendek	2. Panjang.	3. Diftong
----- a	----- a	أى----ay
----- i	----- i	إى----aw
-----u	----- u	

Sumber : Pedoman Transliterasi Huruf 'Arab ke Huruf Rumi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur

## SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 : Struktur Organisasi Majlis Agama Islam Negeri Islam (MAINS).
- Lampiran 2 : Struktur Organisasi Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Lampiran 3 : Struktur Organisasi Pusat Kaunseling MAINS.
- Lampiran 4 : Struktur Biro-biro Angkatan Belia Islam Negeri Sembilan.
- Lampiran 5 : Struktur Organisasi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Negeri Sembilan
- Lampiran 6 : Struktur Organisasi Jemaah Islah Malaysia Negeri Sembilan
- Lampiran 7 : Struktur Organisasi Pusat Dakwah Islamiah Paroi.
- Lampiran 8 : Struktur Organisasi Unit Ukhuwah.
- Lampiran 9 : Struktur Organisasi Unit Kefahaman Islam.
- Lampiran 10 : Struktur Organisasi Unit Pengurusan Masjid.
- Lampiran 11 : Borang Penyertaan Program.
- Lampiran 12 : Ahli Jawatankuasa Penyelarasan Program Unit Kefahaman Islam.
- Lampiran 13 : Ahli Jawatankuasa Penyelarasan Program Unit Ukhuwah.
- Lampiran 14 : Ahli Jawatankuasa Penyelarasan Program Unit Pengurusan Masjid.
- Lampiran 15 : Borang Penilaian Kursus (Pihak Urusetia Unit Kefahaman Islam
- Lampiran 16 : Nilai Purata Keseluruhan Isi Penceramah.
- Lampiran 17 : Nilai Purata Keseluruhan Persediaan Penceramah
- Lampiran 18 : Nilai Purata Keseluruhan Persembahan Penceramah
- Lampiran 19 : Borang Soal Selidik (pengkaji).

## SENARAI JADUAL

- Jadual 4.1 : Gender Responden (Kakitangan).
- Jadual 4.2 : Umur Responden (Kakitangan)
- Jadual 4.3 : Taraf Pendidikan Responden (Kakitangan).
- Jadual 4.4 : Gred Jawatan Responden (Kakitangan).
- Jadual 4.5 : Bahagian / Unit Responden (Kakitangan).
- Jadual 4.6 : Masalah Strategi Pengurusan.
- Jadual 4.7 : Masalah Perancangan.
- Jadual 4.8 : Masalah Kepimpinan.
- Jadual 4.9 : Masalah Komunikasi.
- Jadual 4.10 : Masalah Kawalan.
- Jadual 4.11 : Masalah Dorongan.
- Jadual 4.12 : Masalah Pengambilan.
- Jadual 4.13 : Masalah Latihan.
- Jadual 4.14 : Masalah Penilaian Prestasi.
- Jadual 4.15 : Masalah Faedah dan Ganjaran.
- Jadual 4.16 : Masalah Penamatan Perkhidmatan.
- Jadual 4.17 : Masalah Perancangan Program.
- Jadual 4.18 : Masalah Pengurusan Masa.
- Jadual 4.19 : Masalah Tentatif Program.
- Jadual 4.20 : Masalah Kewangan.



Jadual 4.21 : Masalah Urusetia / Penyelarasan.

Jadual 4.22 : Gender Responden (Peserta).

Jadual 4.23 : Status Responden (Peserta).

Jadual 4.24 : Kelulusan Responden. (Peserta).

Jadual 4.25 : Dorongan Mengikuti Kursus.

Jadual 4.26 : Kefahaman Kursus.

Jadual 4.27 : Kepuasan Peserta Terhadap Pengurusan Program.

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Dakwah Islamiah merupakan satu cabang ilmu-ilmu Islam. Melalui dakwah Islamiah, agama Islam dapat disebarluaskan di atas muka bumi ini. Ini bertujuan untuk memberikan kemanfaatan serta kehidupan yang tenteram kepada seluruh umat di atas muka bumi ini.

Bagi menjamin dan memastikan kejayaan misi tersebut, ia memerlukan kepada beberapa faktor dan mekanisme bagi merealisasikan misi tersebut selaras dengan sunnah Rasulullah saw. Ini kerana dakwah Islamiah merangkumi ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kemasyarakatan dan kemanusiaan. Oleh itu seharusnya elemen-elemen penting di dalam bidang tersebut harus diberi perhatian dan dititikberatkan supaya kerja-kerja dakwah Islamiah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Salah satu aspek penting yang perlu ada dalam dakwah Islamiah ialah pengurusan. Jika ditinjau dari pengamalan Rasulullah sebagai landasan kerja-kerja dakwah tersebut, baginda amat menitikberatkan aspek pengurusan tersebut, supaya tugas utama baginda iaitu untuk menyebar luaskan dapat dilaksanakan dengan mudah. Antara contoh pengurusan yang diambil berat oleh baginda ialah pengurusan masa, pengurusan angkatan perang, pengurusan kewangan negara Islam Madinah dan pengurusan institusi dakwah seperti masjid.

## Persoalan Kajian

Pengurusan merupakan salah satu perkara penting yang terdapat dalam kehidupan seharian manusia. Secara dasarnya pengurusan melibatkan segala usaha-usaha yang bertujuan untuk melaksanakan sesuatu bagi menghasilkan kebaikan dan kebajikan.

Kewujudan bidang pengurusan di dalam Islam dari segi teori dan amalnya tidak dapat dinafikan berdasarkan perkembangan sejarah umat Islam terdahulu khususnya pada zaman Rasulullah saw. Apabila memperkatakan tentang zaman Rasulullah saw. tergambar di fikiran kita tentang dakwah Islamiah yang dibawa oleh baginda. Wujud persoalan bagaimanakah Rasulullah saw dapat menyebarkan dakwah Islamiah dengan baik dan bijaksana? Persoalan itu mampu dijawab dengan mengemukakan beberapa contoh pengurusan dakwah baginda yang bermula di Mekah diteruskan dengan jayanya di Madinah. Lanjutan dari persoalan di atas diharapkan kajian ini dapat mengupas tentang pengurusan dakwah yang difokuskan kepada institusi dakwah khususnya dari segenap bidang.

Dewasa ini, di Malaysia terdapat banyak institusi dakwah yang ditubuhkan bagi menjalankan program-program yang bertunjangkan keagamaan dalam erti kata untuk menyampaikan risalah Islam kepada penganutnya dan kepada non-muslim (bukan Islam). Persoalan yang timbul di sini bagaimanakah pengurusan institusi dakwah terbabit memainkan peranan yang penting dalam menjayakan penyebaran dakwah Islamiah menerusi institusi tersebut.

Seperkara lagi yang ingin diberi tumpuan ialah berhubung masalah-masalah yang timbul di dalam institusi dakwah. Jika timbul masalah, persoalan yang sering dibincangkan ialah tentang kemampuan institusi tersebut menyelesaikannya tanpa menjejaskan kepada operasinya sebagai agen penyebaran Islam melalui program-program yang dianjurkan.

### **Pernyataan Masalah**

Dakwah Islamiah memerlukan beberapa elemen penting di dalam menjamin kejayaan penyebarannya. Pengurusan merupakan salah satu daripada elemen tersebut merangkumi pelbagai skop yang mana ia mampu menjadi landasan yang sesuai kepada penyampaian mesej Islam tersebut.

Pengkaji tertarik untuk mengkaji pengurusan institusi dakwah masa kini adalah untuk menjawab persoalan dan permasalahan yang timbul berhubung model dan amalan operasi sesebuah pengurusan institusi dakwah. Selain daripada itu perlu juga dilihat tentang kemampuan institusi terbabit dalam mengendalikan program-program yang sesuai dengan tuntutan masyarakat Islam ketika ini. Cabaran-cabaran yang dihadapi seperti masalah pengurusan juga perlu diambil kira di dalam kajian ini bagi mengenalpasti akan kewujudan kekangan dan halangan yang boleh merencatkan kepada perkembangan dakwah Islamiah di negara ini.

Dengan setiap permasalahan yang diketengahkan di atas, ia telah membuka laluan kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian ini dengan berlandaskan setiap permasalahan tersebut.

## **Kepentingan Kajian**

Diharapkan agar kajian ini mampu memberi informasi yang baik dan bernas kepada institusi-institusi dakwah di Malaysia khususnya kepada Pusat Dakwah Islamiah, Paroi. Ia disebabkan peranan mereka dalam memikul aspirasi dan tanggungjawab kepada umat Islam amnya.

Natijah daripada kajian ini, ia dapat memberikan input berhubung perkara-perkara berikut.

1. Menilai semula konsep pengurusan sama ada berbentuk konvensional dan Islam sesuai diaplikasikan di dalam institusi dakwah yang terdapat di negara ini.
2. Institusi dakwah yang terdapat di Negeri Sembilan khususnya dan di Malaysia amnya harus memikir dan merangka program-program yang berdaya saing dan berkesan agar ia memberi kesan yang positif terhadap perkembangan dakwah Islamiah di Malaysia.
3. Mengkaji setiap kepincangan dan masalah yang wujud di dalam institusi dakwah tersebut serta mencari jalan penyelesaian yang baik.
4. Menitikberatkan setiap pandangan dan komentar peserta program agar program yang akan dijalankan dapat dilaksanakan dengan sempurna.
5. Mengemaskinikan amalan pengurusan agar ia menjadi ikutan kepada institusi lain sejajar dengan misi dakwah yang mahukan para pendakwah menjadi ikutan yang baik.

Dengan adanya beberapa perkara di atas, ia mampu memberi kelebihan kepada sasaran dakwah menerusi program dan aktiviti yang dilaksanakan berlandaskan kepada sistem pengurusan yang baik.

## **Objektif Kajian**

Bagi memantapkan kajian ini, pengkaji telah meletakkan beberapa objektif kajian supaya kajian ini dapat dimanfaatkan bersama. Objektif kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu objektif umum dan khusus.

### **a. Objektif Umum**

Untuk melihat secara umum tentang amalan pengurusan institusi dakwah di Pusat Dakwah Islamiah, Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan, Paroi, Negeri Sembilan Darul Khusus.

### **b. Objektif Khusus**

1. Mengenalpasti institusi dakwah yang berperanan besar di Negeri Sembilan.
2. Untuk melihat amalan pengurusan Pusat Dakwah Islamiah, Paroi dari segi asas-asas pengurusan.
3. Mengenalpasti pengurusan sumber manusia di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi.
4. Mengenalpasti tentang pelaksanaan dan penyelarasan program-program dakwah yang dijalankan.

5. Melihat dengan terperinci tentang masalah-masalah yang wujud di pusat ini merangkumi amalan pengurusan, pengurusan sumber manusia dan penyelarasan program.
6. Menganalisa tentang pandangan peserta yang mengikuti program yang dijalankan.

### **Metodologi Kajian**

Di dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan tentang lokasi kajian, rekabentuk penyelidikan, subjek kajian, pengumpulan data, instrumen kajian dan analisa kajian.

### **Lokasi Kajian**

Pada dasarnya, kajian ini ini dijalankan sepenuhnya di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi sebagai institusi dakwah masa kini. Walau bagaimanapun, bagi memenuhi landasan teori kajian ini iaitu membincangkan tentang beberapa institusi dakwah yang berpotensi di Negeri Sembilan. Pengkaji juga membuat penyelidikan berhubung beberapa institusi dakwah yang terdapat di Negeri Sembilan.

### **Reka bentuk Penyelidikan**

Kajian ini akan memfokuskan tentang pengurusan institusi dakwah meliputi amalan dan masalah yang timbul di dalam menguruskan sesebuah institusi dakwah tersebut iaitu Pusat Dakwah Islamiah, Paroi. Kajian ini menggunakan kaedah



kuantitatif menerusi persampelan bagi menganalisa masalah-masalah pengurusan yang timbul serta pandangan peserta yang mengikuti program terbabit.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui temubual yang dijalankan ke atas beberapa individu yang berautoriti untuk memberikan pandangan berhubung kajian yang dijalankan. Di samping itu pengkaji juga melakukan kajian perpustakaan bagi memantapkan landasan teori kajian ini.

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian ini ialah anggota perkhidmatan yang berkhidmat secara sepenuh masa di pusat ini. Ini disebabkan kerana merekalah yang bertanggungjawab dalam mengendalikan dan menguruskan pusat ini sebagai institusi dakwah sebaik mungkin.

Selain itu, peserta-peserta program / kursus juga diambil sebagai subjek kajian bagi menilai tentang keberkesanan program / kursus yang dijalankan sama ada ia diurus dengan baik atau sebaliknya.

### **Teknik Pengumpulan Data**

Data akan dikumpul melalui borang soal selidik yang dikemukakan kepada responden. Pengkaji akan menganalisa borang tersebut dengan menggunakan

kaedah kuantitatif iaitu peratusan mudah. Peratusan sesuatu pernyataan akan diperolehi melalui penganalisan yang dilakukan.

Selain itu data juga diperolehi melalui borang penilaian kursus yang didapati daripada pusat ini setelah selesai mengendalikan sesebuah program / kursus. Kaedah ini lebih dikenali dengan penganalisan dokumen. Ini kerana borang soal selidik tersebut bukan disediakan oleh pengkaji tetapi disediakan oleh pihak penganjur (Pusat Dakwah Islamiah Paroi) dalam melihat keberkesanan program tersebut. Pengkaji menggunakan kaedah 'Skala Likert' bagi melihat tahap kepuasan peserta berhubung kursus dan latihan yang dijalankan.

Pengkaji juga menggunakan metode kualitatif iaitu melakukan temubual terhadap pihak atasan pusat ini dalam memberikan pandangan dan komentar berhubung sesuatu perkara penting di dalam kajian ini. Setelah itu ia akan dianalisa berdasarkan objektif kajian ini.

### **Instrumen Kajian**

Antara kajian ini ialah borang soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi mendapatkan data. Selain itu beberapa soalan yang diajukan semasa temubual juga dilihat sebagai instrumen kerana ia dapat menampung kepada kekurangan data yang diperolehi melalui pembacaan.

Pengkaji juga menggunakan buku-buku, kertas kerja dan bahan bacaan yang lain sebagai instrumen kajian dalam melengkapkan landasan teori kajian ini

yang berlegar di dalam bab satu, dua dan tiga. Ia dilihat penting di dalam membantu pengkaji merangka borang soal selidik serta soalan wawancara yang relevan dengan kajian ini.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan kepada apa yang telah digariskan diharapkan agar kajian ini akan membuahkan hasil yang disasarkan berdasarkan kepada beberapa objektif yang dikenalpasti. Ini ditambah lagi dengan metodologi penyelidikan yang terancang. Diharapkan agar natijah kajian ini akan memberi manfaat kepada pusat ini dan kepada pengkaji-pengkaji selepas ini dengan menggunakan kajian ini sebagai “bench marking” (kayu ukur) dalam kajian mereka.